



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN INSTUN SECARA *SELF-DIRECTED LEARNING*

1.0 PENGENALAN

Garis Panduan ini diwujudkan bagi menerangkan tatacara pelaksanaan Program Latihan INSTUN secara *Self-Directed Learning* (SDL) sebagai salah satu pilihan latihan anjuran INSTUN yang disediakan kepada umum bagi tujuan pembelajaran kendiri. SDL ini merupakan konsep pengajaran yang mengetengahkan aspek teori dan memberi fokus kepada kajian kes dengan menggunakan video penyampaian yang interaktif serta menarik. Para peserta akan memperoleh pengetahuan dan meningkatkan kemahiran tanpa berkomunikasi atau berinteraksi dengan tenaga pengajar secara bersemuka.

Nama sistem:

Self-Directed Learning (SDL)

Tagline:

Anytime, Anywhere (Tidak kira masa, di mana sahaja)

Logo:



Visi:

Peneraju pembangunan modal insan dalam bidang Pentadbiran Tanah, Ukur dan Pemetaan serta Teknologi Maklumat melalui latihan kendiri secara dalam talian.

Misi:

Meningkatkan kecemerlangan modal insan dan organisasi dalam bidang Pentadbiran Tanah, Ukur dan Pemetaan serta Teknologi Maklumat.

Objektif:

Meningkatkan kompetensi modal insan dalam bidang Pentadbiran Tanah, Ukur dan Pemetaan serta Teknologi Maklumat melalui latihan kendiri secara dalam talian yang sistematik dan terancang.

Fungsi:

- i. Menyediakan latihan kendiri dalam bidang Pentadbiran Tanah, Ukur dan Pemetaan serta Teknologi Maklumat;
- ii. Memaparkan maklumat dan sejarah pelaksanaan kursus yang interaktif; dan
- iii. Menyediakan laporan pelaksanaan kursus secara SDL yang komprehensif.

1.1. MAKLUMAT UMUM (KATEGORI)

Kursus SDL terbahagi kepada empat (4) bidang utama iaitu:

- a. Bidang Pengurusan dan Perundangan Tanah
- b. Bidang Ukur dan Pemetaan
- c. Bidang Teknologi Maklumat
- d. Umum

1.2. KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran bagi kursus SDL adalah di bawah kategori TERBUKA yang boleh dihadiri oleh:


- a. Penjawat Awam termasuk Kakitangan Badan Berkanun;
- b. Pihak Swasta;
- c. Orang awam; dan
- d. Pelajar

1.3. Jumlah Sasaran Peserta

Bilangan sasaran peserta ditetapkan mengikut kursus sepanjang tahun adalah sebanyak **20 orang**.

1.4. Kod Kursus

Kod kursus adalah diseragamkan seperti berikut:



Contoh:

TLS01/23

UGS01/23

TMS01/23

Keperluan pewujudan Kod Kursus:

- i. Pencarian (*Searching*)
- ii. Memudahkan penyelarasan dan pelaporan

2.0 MEDIUM

Medium pelaksanaan kursus-kursus SDL adalah melalui **Sistem Self Directed Learning INSTUN** secara dalam talian yang dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat.

3.0 KAE DAH PELAKSANAAN

3.1. PERSEDIAAN SEBELUM PROGRAM LATIHAN

3.1.1. Paparan Kursus

a. Penafian

Video ini adalah hak cipta terpelihara Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN). Tiada bahagian atau paparan dalam kandungan video ini boleh diambil, diolah atau disebarluaskan tanpa kebenaran pihak INSTUN secara bertulis. Kerajaan Malaysia dan INSTUN tidak bertanggungjawab di atas sebarang masalah atau isu disebabkan kesilapan maklumat yang tidak tepat atau tidak terkini yang dipaparkan dalam video ini. INSTUN tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku sebarang kesilapan atau kesalahan berdasarkan kandungan di dalam video ini. Pandangan peribadi penceramah berkenaan mana-mana peruntukan perundangan tidak menggambarkan pendirian INSTUN.

b. Kursus

i. Maklumat Kursus (Course Description)

Kod Kursus:

Nama Kursus:

Kumpulan Sasaran:

Tahap:

Gred:

Objektif:

Kandungan:

- ii. Pengumuman
 - Pilihan kepada Penyelaras
 - iii. Senarai Topik
 - iv. Ringkasan Kursus (Course Summary)
 - v. Quiz (sekiranya ada)
- c. Penghargaan
(Dimasukkan oleh Penyelaras Bahagian sekiranya ada)

3.1.2. Kandungan Kursus

- Setiap Bahagian dikehendaki menyediakan bahan kursus dalam format **Video MP4** berdasarkan **Panduan Penyediaan Video Kursus SDL INSTUN** oleh Bahagian Teknologi Maklumat.
- Bahasa pengantaraan adalah **Bahasa Melayu**.
- Ketua Bahagian bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kandungan kursus yang dimuat naik ke dalam Sistem SDL.

3.1.3. Daftar Kursus

Sistem SDL

Penyelaras Bahagian akan diwujudkan yang bertanggungjawab mendaftar kursus dengan memuat naik Video Kursus dan mengemaskini maklumat Kursus. Sebarang pertanyaan berhubung pengurusan muat naik bahan video boleh rujuk kakitangan berikut:

- i. Puan Haryanti binti Dahalan; atau
- ii. Puan Rohani binti Hassan.

Nota: Nama kakitangan berkenaan tertakluk perubahan di peringkat BTM.

3.1.4. Promosi Kursus

Hebahan dan promosi kursus adalah mengikut prosedur yang telah ditetapkan berdasarkan Prosedur Kualiti INSTUN PK-03, Promosi dan Publisiti.

3.1.5. Panduan Penyelaras

Penyelaras **diwajibkan** mematuhi **Manual Pengguna Penyelaras** bagi proses pengurusan kursus.

3.1.6. Panduan Peserta

3.1.6.1. Daftar Sistem

Peserta perlu mendaftar terlebih dahulu bagi tujuan pelaksanaan kursus.

3.1.6.2. Pelaksanaan Kursus

- i. Login
- ii. Lihat (view) dan Pilih Kursus
- iii. Laksana Kursus
- iv. Jawab Kuiz/ soalan
- v. Jawab Penilaian Kursus
- vi. Jana Sijil Penyertaan

3.1.6.3. Paparan Rekod Kursus Semasa/ Terdahulu

Peserta boleh melihat rekod kursus yang telah dihadiri.

3.2. PENGENDALIAN PROGRAM LATIHAN

3.2.1. Ketetapan kursus

Peserta diwajibkan mengikuti keseluruhan tempoh kursus mengikut topik yang ditetapkan.

3.2.2. Tempoh Pelaksanaan Kursus

Tiada had masa untuk peserta menghabiskan satu-satu kursus.

3.3. SELEPAS PROGRAM LATIHAN

3.3.1. Penilaian Kursus

Elemen Penilaian Kursus SDL adalah seperti berikut:

A. Maklumat Kursus Yang Dihadiri

- i. Kod Kursus

Elemen ini adalah janaan automatik Sistem SDL.

B. Penilaian Kursus

- i. Isi Kandungan Kursus (Likert Scale: 1 - 9)

- a. Kesinambungan topik

- ii. Kompetensi Peserta Kursus (Likert Scale: 1 - 9)

- a. Pengetahuan kepada bidang kerja (Sebelum dan Selepas)

- b. Kebolehan menilai dan menambahbaik pelaksanaan bidang kerja (Sebelum dan Selepas)

- c. Pengetahuan kepada dasar, peraturan dan arahan berkaitan bidang kerja (Sebelum dan Selepas)

- d. Pemahaman kepada dasar, peraturan dan arahan berkaitan bidang kerja (Sebelum dan Selepas)
- iii. Faedah Kursus (Ya atau Tidak)
 - a. Apakah anda telah mendapat faedah dari kursus ini? (Ya atau Tidak)
 - b. Adakah anda ingin memperakukan kursus ini kepada orang lain? (Ya atau Tidak)
 - c. Adakah jangka masa kursus ini bersesuaian? (Ya atau Tidak)
- iv. Penilaian Kemudahan
 - a. Kebolehcapaian Sistem SDL
 - b. Kualiti Video
- v. Komen dan Cadangan

Apakah komen dan cadangan anda untuk memperbaiki kursus ini?

3.3.2. Pengiraan Tempoh Berkursus

Tempoh berkursus adalah merujuk kepada tarikh kursus yang dicetak di atas Sijil Penyertaan. Tarikh kursus adalah berdasarkan tarikh akhir peserta selesai menjalani kursus (100%). Penetapan tempoh kursus (bilangan video/ bilangan topik) adalah di bawah tanggungjawab Bahagian.

3.3.3. Sijil Kursus

Sijil Kursus secara automatik akan dijana dan boleh di muat turun peserta setelah selesai menjalani kursus. Tempoh maksimum bagi janaan Sijil Kursus adalah selama 3 bulan sahaja.

3.3.4. Kuiz

Bilangan soalan adalah tidak kurang dari tiga (3) soalan yang akan disediakan dan dimuat naik oleh Bahagian.

Kuiz boleh disediakan dalam ruangan yang disediakan di dalam Sistem SDL. Soalan secara objektif atau subjektif adalah terserah kepada Bahagian.

3.3.5. Pelaporan

Senarai laporan adalah berdasarkan keperluan latihan seperti berikut:

- i. Senarai peserta yang membuat pendaftaran Sistem SDL;
- ii. Senarai peserta mengikut kursus (Kategori Belum Selesai);
- iii. Senarai peserta mengikut kursus (Kategori Selesai);
- iv. Statistik Pelaksanaan Kursus SDL;
- v. Statistik Pencapaian ujian/ Kuiz;
- vi. Statistik Penilaian Penceramah mengikut Bahagian;
- vii. Statistik Penilaian Isi Kandungan Kursus;
- viii. Statistik Penilaian Kompetensi Peserta;
- ix. Senarai Keseluruhan Ulasan pelaksanaan kursus;
- x. Statistik Peserta mengikut Jantina;
- xi. Statistik Peserta mengikut Kumpulan Perkhidmatan; dan
- xii. Statistik Peserta mengikut Jabatan

3.3.6. Penentuan Kehadiran Peserta melangkaui Tahun

Penentuan kehadiran kursus adalah mengikut tarikh akhir selesai Kursus SDL.

4.0 LAIN-LAIN

4.1. Penetapan Kadar Yuran

Tiada bayaran yuran dikenakan.

Nota:

Kutipan yuran selain daripada kadar yang diluluskan perlu dibuat permohonan dan mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia; dan

Tertakluk kepada pindaan.

4.2. Tuntutan Saguhati Penceramah

Tuntutan Saguhati Penceramah adalah merujuk kepada Surat Kementerian Kewangan Malaysia, MOF.600-37/1/6 JLD. 12 (17) bertarikh 17 November 2023.

5.0 DOKUMEN RUJUKAN BERKAITAN

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Manual Kualiti INSTUN MS ISO 9001:2015.

Rujukan lain:

- i. Dasar Latihan Sektor Awam: Pembangunan Kompetensi Versi 2022
- ii. Garis Panduan Pelaksanaan Program Latihan INSTUN Secara Dalam Talian; dan
- iii. Panduan Pengajaran dan Pembelajaran secara Dalam Talian melalui Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), INTAN.

6.0 TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa bagi program latihan INSTUN yang dijalankan secara dalam SDL bermula pada 16 Januari 2024.

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, INSTUN